

Kepertama anjur Seminar Prep UPSR, PMR



SAMSOL Kamal Mohd. Saad (kanan) menyerahkan senaskah akhbar kepada Mohd. Zailani Abdul Razak sebagai simbolik pembelian secara pukal akhbar *Utusan Malaysia* sebanyak 1,000 naskah sempena Seminar Prep UPSR dan PMR, di UPM, Serdang, Selangor, semalam.

KUALA LUMPUR 15 Mac - Ibu bapa yang anak mereka bakal menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dijemput menghantar pelajar berkenaan mengikuti Seminar Prep UPSR dan PMR pada 23 dan 24 Mac ini.

Seminar anjuran bersama Kesatuan Kakitangan Am Universiti Putra Malaysia (Kepertama), Intelligent Future Academy dan Universiti Putra Malaysia (UPM) itu adalah sebagai persiapan awal calon menghadapi peperiksaan berkenaan.

Presiden Kepertama, Mohd. Zailani Abdul Razak berkata, seminar itu terbuka kepada 400 penyertaan bagi kedua-dua sesi yang akan dikendalikan fasilitator berpengalaman membimbing calon-calon menghadapi soalan dan topik tumpuan dalam UPSR dan PMR.

"Lebih menarik, seminar ini diadakan dalam kawasan kampus UPM yang akan memberi penga-

laman baru kepada peserta terlibat. Secara tidak langsung ia dapat mewujudkan keyakinan diri serta semangat untuk berjaya dan melanjutkan pengajian mereka ke peringkat tinggi," katanya.

Sepanjang seminar itu berlangsung, Kepertama akan menaja 1,000 naskah *Utusan Malaysia* untuk diagihkan secara percuma kepada peserta terlibat bagi meningkatkan daya fikir para pelajar agar lebih terbuka dan matang di samping terdedah dengan perkembangan isu-isu semasa.

Sebagai simbolik tajaan akhbar itu, Mohd. Zailani menerima beberapa naskah *Utusan Malaysia* yang disampaikan oleh Eksekutif Jualan Utusan Melayu (Malaysia) Berhad, Samsol Kamal Mohd. Saad dalam satu majlis di UPM hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Presiden Kepertama, Mohd. Arpandi Said; Setiausaha Kehormat, Noor Mohamad Zin Mohamad Naim; Penolong Setiausaha, Rahmat Mubin

dan Bendahari Kehormat, Mohd. Razali Singh.

Mohd. Zailani memberitahu, setiap penyertaan akan dikenakan bayaran masing-masing sebanyak RM150 dan RM180 bagi seminar UPSR dan PMR meliputi penyediaan makanan, nota, sijil penyertaan dan fail.

Tambah Mohd. Zailani, pihaknya turut membuka ruang kepada mana-mana pihak untuk bekerjasama dengan Kepertama bagi menganjurkan sebarang bentuk aktiviti dan program.

"Langkah ini merupakan usaha berterusan Kepertama dan UPM bagi mewujudkan jaringan hubungan yang luas bersama masyarakat dan organisasi di luar kampus," katanya.

Sebarang pertanyaan dan pendaftaran untuk seminar berkenaan boleh menghubungi penganjur di talian 03-89485155, 013-638777 atau layari laman web www.seminar2u.webs.com.